

25/04/1999

Nak putar belit pun biar berpada-pada

KIAU pening kepala. Bukan manusia saja pening kepala, burung pun kadang-kadang pening kepala juga.

Kiau pening kepala mendengar cakap manusia yang berputar belit. Apatah lagi yang bercakap putar belit itu manusia yang anggap diri mereka pemimpin kepada manusia lain.

Banyak orang di dalam dan luar negara yang tengok tunjuk perasaan membantah keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ada yang tengok sendiri ketika ia berlaku pada 14 April manakala yang lain melihatnya melalui televisyen dan surat khabar.

Mereka nampak penunjuk perasaan bawa bendera Parti Keadilan Nasional, bawa bendera Pas, pakai ikat kepala reformasi, bakar bendera Barisan Nasional, serang kenderaan stesen televisyen, bakar harta awam dan mencabar anggota polis.

Bukan itu saja, mereka pun nampak Tian Chua atau Chua Tian Chang cuba sekat kenderaan polis dengan duduk bersila di hadapannya. Tian Chua ini salah seorang Naib Presiden Parti Keadilan Nasional.

Yang buat Kiau pening kepala ialah selepas melihat ini semua, kita dengar Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor kata perusuh itu bukan penyokong mereka.

Jadi Kiau pun pening kepala. Kalau seorang dua tunjuk perasaan, boleh jadilah bukan penyokong Pas atau Keadilan. Ini sampai beribu-ribu orang. Takkan budak sekolah pun anggota Cawangan Khas polis juga macam Wan Azizah tuduh.

Kiau kata, kalau nak putar belit pun biarlah berpada-pada. Jangan berkhutbah pasal Islam dan keadilan tapi cakap macam orang hilang akal. Janganlah pecah tembelang sendiri dan jangan perbodohkan rakyat.

Tak cukup dengan itu, Wan Azizah pergi pula ke Hong Kong dan buat fitnah kepada dunia melalui CNN kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin isytihar darurat kerana tunjuk perasaan itu.

Kiau tak setuju darurat. Tapi kalau terpaksa juga, Kiau rasa undang-undang darurat lebih baik daripada pertumpahan darah macam berlaku di Indonesia sejak kebangkitan reformasi.

Kiau tidak berani menolak langsung kemungkinan kita terpaksa guna undang-undang itu kerana apa yang sudah dan sedang berlaku di Indonesia boleh berlaku di negara kita kerana reformasi di negara kita ini pun diimport daripada Indonesia.

Kita sedang lihat macam mana reformasi Indonesia mencetuskan kebencian dan keganasan kaum dan agama. Ia bermula di Jakarta dan kini merebak ke Ambon, Kalimantan dan Sulawesi.

Banyak orang tahu ada pemimpin reformasi yang lari ke Indonesia dan tinggal di sana beberapa bulan. Sekarang mereka balik pasal sudah selamat. Kiau kecewa pasal apa orang macam ini tidak dikenakan tindakan undang-undang.

Satu perkara lagi yang kita kena ingat ialah sejak dulu lagi ada segelintir penggiat politik kita yang begitu taksub dengan Indonesia sehingga sanggup membawa masuk idea yang merosakkan politik negara.

Tapi seorang kawan Kiau yang lama bergiat dalam bidang kewartawanan berkata tidak seorang pun orang politik Malaysia yang cuba mencedok idea dan budaya politik Indonesia berjaya.

Seperkara lagi, Kiau rasa orang yang sengaja membangkitkan soal darurat ini juga bertujuan memburukkan imej negara dan menakut-nakutkan pelabur asing daripada melabur di negara kita.

Mereka tidak suka melihat ekonomi negara pulih seperti yang sedang berlaku sekarang kerana kalau ekonomi pulih, hilanglah satu lagi modal mereka.

Mereka mahu negara jadi kacau bilau dan papa kedana supaya peluang mereka menjatuhkan kerajaan lebih cerah. Jadi mereka ambil teladan daripada reformasi Indonesia yang menyebabkan negara porak peranda dan pemimpin jatuh.

Kita yang belum hilang akal kena ingat, Malaysia bukan Indonesia.

(END)